

PM puas hati prestasi kakitangan awam

LANGKAWI 5 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau herpuas hati dengan prestasi pihak pentadbir dan kakitangan awam di negara ini.

Perdana Menteri berkata, ini terbukti apabila banyak dasar dan rancangan kerajaan berjaya dilaksanakan oleh mereka dengan berkesan.

Menurut Perdana Menteri, adalah mustahil sesuatu matlamat itu dapat dijayakan sekiranya ia tidak mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada kakitangan.

"Untuk membuat arahan adalah mudah tetapi untuk melaksanakannya merupakan perkara yang rumit," katanya ketika berucap pada Majlis Sepetaug Bersama Perdana Menteri yang dihadiri oleh kakitangan awam dan swasta di sini hari ini.

Perdana Menteri berada di Langkawi untuk lawatan kerja tiga hari.

Dr. Mahathir menyatakan, selain merupakan golongan terpenting dalam usaha memenuhi hasrat kerajaan, kakitangan awam juga bertindak sebagai indikator untuk membangunkan minda positif di kalangan rakyat di negara ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan di antara kumpulan tersebut masih wujud individu-individu yang mempunyai pendirian berbeza dan sukar menerima hakikat peranan yang dimainkan oleh kerajaan.

Keadaan itu menyebabkan banyak dasar yang digariskan sebelum ini gagal dijayakan, kata Dr. Mahathir.

Justeru bagi menangkis fenomena ini, Perdana Menteri menyaranakan para pentadbir dan kakitangan awam sentiasa bersikap profesional kerana tanpa elemen itu akan lebih banyak usaha kerajaan untuk membangunkan negara ini gagal.

"Kalau ada kakitangan awam mempunyai ideologi politik tertentu, mereka akan hadapi masalah dengan arahan yang diberi kerana melibatkan kepentingan politiknya. Tetapi kalau bersikap profesional, tidak jadi masalah kerana yang penting kita laksanakan tanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir menjelaskan, satu arahan telah dikeluarkan kepada semua menteri kabinet agar melaporkan prestasi projek pembangunan di bawah kementerian masing-masing untuk perhatian beliau setiap dua minggu sekali.

Langkah itu bertujuan memudahkan beliau meneliti perjalanan sesuatu projek itu siap dilaksanakan mengikut jadual, katanya.